

21/06/1998

Mencanai kesedaran mengatasi kegawatan

A Nazri Abdullah

PARTI tidak akan berpecah malah Umno akan bertambah kukuh dan mantap seandainya kebebasan menegur dan mengkritik secara bertanggungjawab menjadi sebahagian daripada budaya Umno. Dengan membenarkan ahli mengkritik dan membahaskan setiap isu secara ikhlas, segala kekusutan dapat dirongkai dan perasaan marah atau kecewa tidak akan membuku di dada. Hujah yang bernas dan benar mestilah diterima dengan dada yang terbuka dan jika yang berhujah melakukan kesilapan atau tersalah tafsir, bimbing dan tegurlah dengan pandangan membina.

Pendapat yang mengatakan mereka yang sudah mendapat habuan atau diberi peluang tidak boleh bersuara, adalah pandangan yang salah.

Kekuatan diri dan kreativiti tidak akan wujud dalam organisasi yang dibuai dengan syair kasih gurindam jiwa, kerana puji dan puja seringkali membuat manusia lupa dan lalai. Sebaliknya ramai pemimpin dan pemikir agung membesar di jalanan yang bebas dengan pengucapan kritis dan polemik konstruktif. Memandangkan Pergerakan Pemuda dan Wanita adalah asas pembinaan barisan pelapis pemimpin parti, maka sewajarnya perhimpunan agung Pemuda dan Wanita menjadi sebahagian daripada proses epistemologi menjana kekuatan mental dan menajam ketaakulan berfikir bakal pemimpin masa depan. Walaupun kadangkala suara mereka mungkin kritikal, asalkan niatnya ikhlas dan untuk kebaikan, ketrampilan mereka tidak sepatutnya dipadamkan dengan kutukan dan cemuhan.

Dalam mana-mana organisasi pun, perpecahan tidak akan berlaku dari bawah, tetapi dari atas. Walau sebesar manapun perbezaan pendapat di kalangan ahli, mereka tidak akan berpecah belah jika pucuk pimpinan sentiasa bersatu. Lumrahnya pemimpin sering berucap meminta ahli parti supaya bersatu tetapi hakikatnya krisis dan perpecahan selalunya bermula apabila pemimpin tidak bersatu. Sepanjang sejarah Umno, perbezaan pendapat di kalangan ahli sentiasa ada, tetapi tidak pernah membawa kepada krisis. Yang sering menjadi punca krisis dan perpecahan ialah pemimpin, justeru itu nasihat Presiden Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bukan saja ditujukan kepada pengikut tetapi juga semua yang bergelar pemimpin baik di peringkat pusat, negeri, bahagian, Pemuda dan juga Wanita.

Seperti diramalkan perhimpunan kali ini agak hangat membicarakan isu ekonomi sesuai dengan suasana kegawatan yang memberi kesan kepada hampir semua rakyat.

Pada zaman makmur, perwakilan tidak gemar bercakap isu yang tidak suka didengar pemimpin, takut kehilangan peluang, tetapi apabila kegawatan ekonomi hampir menutup semua peluang projek atau tender, maka isu ini dibincangkan dengan agak terbuka. Keputusan Majlis Tertinggi Umno memberi masa yang lebih kepada perwakilan berucap adalah langkah yang bijak bagi membolehkan perwakilan meluahkan sebarang kekecewaan di dada dengan harapan selepas perhimpunan nanti mereka tidak akan mengkritik dan memburukkan kerajaan dan pemimpin di belakang.

Ucapan Presiden yang menjelaskan hampir segala aspek permasalahan dan cara mengatasi cabaran, menunjukkan Dr Mahathir memahami apa yang tersirat di hati perwakilan.

Di samping berjanji memperbaiki kelemahan yang wujud, mesej Presiden yang penting ialah betapa seluruh ahli Umno mesti bersatu padu menghadapi cabaran ekonomi. Segala strategi dan langkah memulihkan kegawatan sukar dilaksanakan jika kestabilan politik Umno yang menjadi tonggak kekuatan kerajaan terganggu.

Walaupun sebelum ini ada pihak yang bimbang isu nepotisme dan kronisme mungkin memecahbelahkan perpaduan Umno, jelas daripada perbincangan yang berlangsung perwakilan cekap menghantar mesej tanpa menjejaskan maruah dan imej sesiapa. Amanat Presiden yang membenarkan perwakilan membicarakan apa saja isu tidak disalahgunakan oleh perwakilan untuk melepaskan geram dan menghentam secara membuta tuli. Mereka faham pemimpin yang bijaksana dapat membaca mesej yang berlapis walaupun penyampaiannya secara seloka.

Malangnya seperti biasa ada kembiri politik di kalangan Umno yang mengecilkan kebijaksanaan dan kewarasan pucuk pimpinan dengan mentafsirkan perbezaan pendapat di kalangan mereka sebagai tanda-tanda perpecahan.

Berbagai-kelompok khobar angin, kononnya berlaku gerakan dari bawah untuk menentang pucuk pimpinan sebenarnya adalah ciptaan mereka yang tidak mempunyai kekuatan dan keyakinan diri.

Manifestasi kehampaan seperti ini sentiasa ada dalam Umno yang kadangkala dilahirkan dalam bentuk surat layang, buku picisan politik, fitnah dan pelbagai tohmah.

Namun ini tidak pernah menjejaskan perpaduan dan konsep tanggungjawab bersama pucuk pimpinan parti.

Manifestasi kembiri politik akan terus mencucuk jarumnya dan kita harap pucuk pimpinan parti tidak membiarkan diri mereka dipengaruhi oleh golongan seperti itu. Bagi menghakis segala prasangka buruk, cadangan perwakilan supaya pucuk pimpinan sering mendekati rakyat bawahan pelbagai golongan dan profesional perlu diterima. Walaupun masalah yang dihadapi adalah masalah ekonomi, pucuk pimpinan tidak seharusnya membiarkan diri dilengkongi golongan usahawan sahaja kerana fungsi budayawan, ilmuwan, intelektual, aktivis sosial dan profesional lain juga penting dalam mencanai kesedaran dan semangat untuk sama-sama menghadapi cabaran kegawatan.

Sesungguhnya Umno tidak mampu menghadapi sebarang krisis kepemimpinan sementara pucuk pimpinan ketika negara sedang dilanda kegawatan ekonomi. Hakikat itu dihayati oleh perwakilan Umno walaupun mereka turut dilanda kesan kegawatan.

Order sosial budaya Melayu yang menjadi tradisi perhimpunan tetap dipelihara dan kekuatan ini mesti dipertahankan untuk menjamin kelangsungan Umno sebagai parti yang memperjuangkan nasionalisme dan idealisme Melayu dan Malaysia.

(END)